

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan;

- (a) berapa jumlah tahanan di setiap pusat tahanan sementara (rumah merah) di Sabah sekarang; dan
- (b) berapa jumlah perbelanjaan kerajaan dalam pengurusan Pusat Tahanan Sementara bagi tahun 2018 dan 2019.

**JAWAPAN****YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa sekarang, terdapat 4 buah depoh tahanan imigresen yang dikenali sebagai Pusat Tahanan Sementara (PTS) di seluruh negeri Sabah. Sehingga pada 30 Oktober 2020, bilangan tahanan di semua PTS adalah berjumlah 5,274 orang. Pecahan tahanan mengikut PTS adalah seperti butiran berikut:

BIL	PTS	KAPASITI TAHANAN	FILPINA	INDONESIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
1.	KOTA KINABALU	2,100	1,555	108	41	1,704
2.	PAPAR	1,450	798	53	12	863
3.	SIBUGA	1,500	913	167	23	1,104
4.	TAWAU	1,000	1,237	314	52	1,603
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>6,050</b>	<b>4,503</b>	<b>643</b>	<b>128</b>	<b>5,274</b>

2. Secara purata, jumlah perbelanjaan perbelanjaan pengurusan bagi keempat-empat PTS ini adalah di antara RM15-18juta setahun. Perbelanjaan ini merangkumi pembiayaan kos makanan tahanan, kos pengangkutan untuk tujuan pengusiran iaitu bayaran perkhidmatan bas dan feri dan perbelanjaan utiliti.

Sekian, terima kasih.